

**TEKS UCAPAN
TUAN YANG DIPERTUA
SEMPENA
PERHIMPUNAN KORPORAT
2 NOVEMBER 2015 (ISNIN), JAM 8.45 PAGI**

.....

Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Berusaha Tuan Sr Hj Rozali bin Hj Mohamud

Tuan Setiausaha Perbandaran MPSP

Ketua-Ketua Jabatan

Rakan Media

Tuan-tuan dan Puan-puan Warga Kerja MPSP

.....

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Selamat Pagi dan
Salam Sejahtera,

Pertamanya, syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia-Nya
dapatlah kita berkumpul pada pagi ini bagi Perhimpunan Korporat yang
ketiga untuk tahun 2015.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Saya mengambil kesempatan pada pagi ini mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang ada pada pagi ini. Ribuan terima kasih juga kepada semua ahli majlis kita yang telah bertungkus-lumus untuk memberikan cadangan penambahbaikan untuk meningkatkan mutu perkhidmatan kita.

Pencapaian MPSP Dalam Tahun 2015

Sebelum meneruskan perhimpunan pada pagi ini, sukacita dimaklumkan Majlis Perbandaran Seberang Perai telah menerima anugerah inovasi seperti berikut:

Anugerah Inovasi Pihak Berkuasa Tempatan (AIPBT) KPKT 2015

Inovasi MPSP iaitu :-

- i. Kaunter Bergerak Multi Skill
- ii. Profesional Sniper Gadget (PSG)
- iii. Sistem Pemantauan Pintar (SPP)
- iv) Self Manage Recycle Center (SMRC)

MPSP telah berjaya disenarai pendekkan dalam enam (6) finalis terbaik dari 19 penyertaan PBT dalam Anugerah Inovasi Pihak Berkuasa Tempatan (AIPBT) 2015 dan telah mendapat Insentif Penghargaan sebanyak RM 100,000.00 daripada Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Majlis Penyerahan telah

disempurnakan oleh Yang Berhormat Datuk Abdul Rahman Dahlan, Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) pada 22 Oktober 2015. Keputusan muktamad akan diumumkan pada November 2015.

MPSP juga telah berjaya meraih tiga anugerah pada Majlis Sambutan Hari Inovasi Peringkat Negeri Pulau Pinang yang telah diadakan pada 27 Oktober 2015 di The Gurney Hotel Resort & Residence. Majlis telah dirasmikan oleh YB Dato' Seri Farizan Bin Darus, Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Anugerah - anugerah yang dimenangi adalah seperti berikut:-

i. **Anugerah Khas untuk Anugerah Inovasi Pengurusan Kewangan (AIPK)** dengan Tajuk Projek :

INSENTIF DAN TINDAKAN PUNITIF BAGI KUTIPAN HASIL DAN TUNGGAKAN CUKAI TAKSIRAN oleh Jabatan Perbendaharaan.

ii. **Johan untuk Anugerah Inovasi Pihak Berkuasa Tempatan (AIPBT)** dengan Projek: KAUNTER BERGERAK MULTISKIL oleh Kumpulan CMS Team (Kumpulan KIK MPSP 2014).

iii. **Naib Johan untuk Anugerah Inovasi Pihak Berkuasa Tempatan (AIPBT)** dengan Projek : SISTEM PEMANTUAN PINTAR (SPP) oleh Jabatan Korporat dan Perhubungan Antarabangsa.

Tahniah juga kepada kumpulan KIK MPSP iaitu Kumpulan KIK (Kumpulan Inovatif dan Kreatif) 3i dari Jabatan Perkhidmatan Perbandaran, Jabatan Perbendaharaan dan Jabatan Kejuruteraan MPSP telah berjaya mendapat **Naib Johan dalam Konvensyen KIK Peringkat Negeri Pulau Pinang** yang telah diadakan pada 6 Oktober 2015 di Auditorium A, KOMTAR. Pasukan ini juga akan mewakili Negeri Pulau Pinang ke Konvensyen KIK Peringkat Kebangsaan pada 24 - 26 November 2015 di Kuantan, Pahang. Projek yang telah memenangi anugerah tersebut adalah "Lori Kompaktor Berirama"

MPSP juga telah berjaya meraih **Anugerah Kualiti SIRIM (Kategori Agensi Kerajaan)** dan Majlis Penyerahan Anugerah tersebut akan diadakan pada Majlis SIRIM - Industri 2015 pada 13 November 2015 di Sunway Resort Hotel and SPA Bandar Sunway, Selangor.

Untuk makluman semua juga, pada 14 November 2015, MPSP telah dijemput oleh Penang Green Council (PGC) untuk menerima Sijil Pejabat Hijau. Penyampaian sijil penghargaan akan disempurnakan oleh Yang Amat Berhormat Tuan Lim Guan Eng, Ketua Menteri Pulau Pinang di Seberang Perai Arena Seberang Jaya.

Manakala pada esok, 3 November 2015, MPSP juga telah dijemput oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan untuk menerima anugerah Khas dalam Inisiatif Kejiranan Hijau. Majlis pemberian anugerah ini akan dijalankan di Hotel JW Marriot Kuala Lumpur. Tahniah kepada semua yang terlibat.

Hadirin sekalian,

Di sini saya juga ingin mengambil kesempatan mengucapkan tahniah kepada penerima-penerima Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Kehormatan Negeri Pulau Pinang sempena Hari Jadi Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama (Dr) Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas, Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang Yang Ke-77.

Seramai 24 orang daripada MPSP telah mendapat pingat semasa Majlis Pengurniaan Pingat Sempena Hari Jadi Yang Di-Pertua Negeri Pulau Pinang iaitu Setiausaha Perbandaran MPSP telah dikurniakan Pingat Darjah Johan Negeri (D.J.N). Dua orang Ahli Majlis telah menerima Pingat Kelakuan Terpuji (PKT) dan dua orang ahli majlis juga menerima Pingat Jasa Kebaktian (PJK). Manakala selebihnya berjumlah 19 orang adalah kakitangan MPSP dimana seorang menerima anugerah Pingat Kelakuan Terpuji (PKT), lima orang menerima Pingat Jasa Kebaktian

(PJK) dan sepuluh orang menerima Pingat Jasa Masyarakat dan tiga orang menerima Pingat Bakti Setia (PBS).Tahniah kepada semua.

Imej MPSP di peringkat antarabangsa telah meningkat di mana, pada 7 hingga 11 September 2015, YBhg. Dato' YDP telah dijemput oleh United Cities And Local Governments Asia Pacific (UCLG ASPAC) untuk menghadiri The 2nd Asean Mayor's Forum di Makassar, Indonesia.

MPSP juga telah berjaya menandatangani perjanjian persefahaman (MOU) dengan City of Yokohama pada 20 Oktober 2015. Perjanjian ini ditandatangani semasa YBhg. Dato' YDP dijemput sebagai panel di *The 4th Asia Smart City Conference* di City of Yokohama, Jepun. MOU ini memfokuskan kepada pembangunan tentang Rekabentuk Bandar di Bukit Mertajam. Projek ini mendapat tajaan dan sokongan daripada Japan International Cooperation Agency (JICA) selain bekerjasama dengan City of Yokohama, Yokohama City University, Universiti Sains Malaysia (USM).

Manakala pada 18 hingga 25 Oktober 2015 MPSP juga telah dijemput bagi menghadiri bengkel *Sharing Urban Solutions For City Leaders* di bawah tajaan CITYNET dan Seoul, Human Resource Development Center di Seoul, Korea dan MPSP telah menghantar dua (2) orang

pegawai iaitu En. Mohd Faidzal Bin Hassan, Penolong Pengarah Kanan Perkhidmatan Perbandaran dan En. Zabri Bin Mohamed Sarajuddin, Ketua Unit Skuad Khas .

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

Pentadbiran

Sehingga kini, MPSP mempunyai 4203 kakitangan dimana 1524 orang adalah berjawatan tetap, 2655 orang adalah berjawatan kontrak dan 24 orang adalah berjawatan sambilan. Pada 5 Oktober 2015, MPSP telah menjalankan temu duga bagi jawatan Pembantu Awam Gred H11 Kontrak bertempat di Dewan Millenium, Kepala Batas. Seramai 4,389 orang calon yang layak telah ditawarkan temuduga bagi jawatan tersebut. Seramai 2,703 orang telah hadir pada temuduga tersebut dan 1,686 calon tidak hadir. Keadaan ini melihatkan sebenarnya ramai orang yang ingin bekerja di MPSP dan kakitangan yang ada sekarang haruslah bersyukur dan menjalankan tugas yang diamanahkan dengan sebaik mungkin.

Disamping itu, bagi memantapkan lagi perkhidmatan Majlis dan pembangunan di Seberang Perai, dua unit baru telah ditubuhkan iaitu Unit Butterworth Baharu dan Unit Eco-City. Unit Butterworth Baharu akan memacu pembangunan semula Bandar Butterworth melalui Pelan

Transformasi MPSP di bawah Program Meremajakan Semula Bandar Butterworth dengan kerjasama dari Think City. Kerjasama MPSP dengan Think City juga bertujuan untuk memberi peluang kepada individu, komuniti serta pihak swasta dalam usaha membangunkan bandar Butterworth. Manakala Unit Eco-City pula bertanggungjawab untuk pembangunan di Batu Kawan. Dijangkakan pada tahun-tahun yang mendatang, pelbagai pembangunan dan pelaburan asing akan memasuki Batu Kawan seperti *mall, property development, commercial centre, premium outlets, specialist hospital* dan universiti. YAB Ketua Menteri juga pernah menyebut bahawa beliau percaya bahawa Batu Kawan boleh menjadi bandar satelit ketiga selepas Bayan Lepas dan Seberang Jaya. Bagi pembangunan di Bukit Mertajam, MPSP pada 20 Oktober 2015 baru sahaja menandatangani satu perjanjian persefahaman dengan Bandar Yokohama dengan kerjasama dari JICA, Yokohama City University, Universiti Sains Malaysia dan Jawatankuasa Persahabatan “Yokohama-Seberang Perai Urban Development”. Kerjasama ini adalah dalam aspek rekabentuk bandar bagi mencapai matlamat ke arah pembangunan yang menghargai nilai sejarah dan alam semula jadi di Bukit Mertajam. Projek ini bermula dari 20 Oktober 2015 hingga 31 Disember 2018. Walaupun begitu, kerjasama di antara Bandar Yokohama dan Majlis Perbandaran Seberang Perai tidak akan terhad kepada skop projek ini sahaja, dan akan diteruskan untuk

membina hubungan saling membantu membangun bersama-sama dalam menyelesaikan isu perbandaran pada masa akan datang.

Disiplin / Tatatertib

Ingin saya memaklumkan disini bahawa bagi memantapkan profesionalisme dalam perkhidmatan awam; mengambil tindakan tatatertib merupakan jalan terakhir yang diambil oleh pihak pengurusan bagi menangani mereka yang tidak mematuhi peraturan dan undang-undang. Tindakan tatatertib merupakan tindakan menghukum agar tidak melakukan perkara yang salah disisi peraturan dan undang-undang. Walaubagaimanapun, masih terdapat kakitangan yang menjalankan kesalahan disisi undang-undang. Dari Januari sehingga 31 Oktober 2015, seramai 14 orang kakitangan tetap telah dikenakan tindakan tatatertib dan seramai 109 orang kakitangan kontrak telah ditamatkan perkhidmatan dan tidak diperbaharui kontrak perkhidmatan atas pelbagai jenis pelanggaran tatakelakuan.

Oleh yang demikian, semua ketua-ketua jabatan harus memberikan perhatian yang serius ke atas perkara ini. Kakitangan yang bermasalah

haruslah dirujuk dengan Pihak Berkuasa Pelantikan & Tatatertib agar ia tidak menjadi barah dan sukar untuk diatasi.

Pengurusan Aduan

Aduan bukanlah suatu yang mudah ditangani. Namun pengurusan aduan yang berkesan boleh menjadi kunci kepada penyampaian perkhidmatan yang berkualiti dan cekap. Malah melalui aduan yang diterima juga, ia dapat menjadi sumber mencetuskan inovasi membuat perubahan-perubahan yang positif oleh kita semua. Berkenaan dengan Aduan yang diterima daripada pelbagai saluran, ketua-ketua jabatan perlu mengambil tindakan segera keatas aduan yang dilaporkan. Dari Januari hingga Oktober 2015, sebanyak 9824 aduan diterima. 8381 aduan (85.32%) daripada jumlah aduan yang diterima telah selesai, manakala 1443 aduan (14.68%) masih dalam tindakan jabatan. Aduan-aduan yang masih dalam tindakan jabatan mestilah diselesaikan dengan segera.

Kewangan

Antara cabaran-cabaran yang sedang dan akan dihadapi oleh MPSP pada tahun ini dan tahun-tahun akan datang adalah cabaran dalam

menghadapai kenaikan kos operasi dan cabaran untuk meningkatkan hasil atau pendapatan. Belanjawan Negara 2016 yang telah dibentangkan oleh Perdana Menteri pada 23 Oktober 2015 baru-baru ini telah memberikan beberapa imbuhan kenaikan gaji dan elaun kepada kakitangan awam selain daripada bonus. Impak kenaikan kos emolumen akan mula dirasai bermula November 2015 apabila semua kakitangan MPSP bermula daripada Gred 41 dan ke bawah akan menikmati kenaikan Imbuhan Tetap Perumahan (ITP) antara RM50 hingga RM120. Secara anggarannya, kos keseluruhan bagi pembayaran ITP ini adalah berjumlah RM6.62 juta setahun.

Seterusnya, bermula Julai 2016 semua kakitangan Gred 11 dan Gred 17 akan menikmati pelarasan gaji minimum bagi gred tersebut kepada RM1200 sebulan. Anggaran kos keseluruhan bagi pelarasan gaji minimum ini adalah berjumlah RM3.22 juta (Julai – Disember 2016) atau RM6.44 juta setahun. Pada bulan Julai 2016 juga, semua kakitangan MPSP akan mendapat pemindahan kenaikan gaji tahunan sebanyak satu (1) kenaikan. Anggaran kos bagi melaksanakan pembayaran gaji ini adalah berjumlah RM1.24 juta (Julai – Disember 2016) atau RM2.48 juta setahun. Secara keseluruhannya, kos emolumen akan bertambah sebanyak RM11.08 juta pada tahun 2016.

Dengan kenaikan elaun dan gaji tersebut, marilah kita bersama-sama mengembeleng usaha meningkatkan hasil atau pendapatan MPSP. Dengan cara ini kita dapat merapatkan jurang antara hasil dan perbelanjaan MPSP. Usaha harus dipergiatkan dalam mengutip tunggakan hasil cukai, sewaan dan lain-lain. Kreativiti dan idea-idea baru perlu diketengahkan dalam usaha menjana hasil baru kepada MPSP. Semua kakitangan juga perlu mengamalkan perbelanjaan berhemah dan membuat kajian pasaran bagi mendapatkan 'value for money' atas setiap sen yang dibelanjakan. Ruang bagi ketirisan perbelanjaan jangan dibiarkan berlaku. Setiap kenaikan elaun dan gaji yang dinikmati oleh kakitangan harus ditunjuk melalui prestasi kerja kita dan perkhidmatan Majlis kepada penduduk Seberang Perai.

Projek Pembangunan

Dalam langkah mempercepatkan proses permit pembangunan (PKM, PBGN, Pelan Kejuruteraan, Pelan Landskap dan perihal tanah) MPSP telah mengikut Garis Panduan Penambahbaikan OSC 3.0 KPKT mulai 1 April 2015. Tindakan tersebut merupakan salah satu usaha daripada pihak Kerajaan dalam menambahbaikkan sistem penyampaian perkhidmatan awam dalam bidang hartanah.

Di sini, suka juga saya maklumkan bahawa bagi pembangunan di Seberang Perai, terdapat banyak permohonan pembangunan yang diterima oleh MPSP. Prestasi permohonan telah diselesaikan dalam tempoh piagam iaitu dari 53.28% pada tahun 2007 telah mencatat peningkatan setiap tahun sehingga 78.63% bagi tahun 2012, 85.61% bagi tahun 2013 dan sebanyak 94.18% bagi tahun 2014. Manakala bagi statistic tahun semasa (tahun 2015), sehingga akhir Oktober 2015 merekod sejumlah 1,183 permohoon diterima dan dari jumlah tersebut sebanyak 868 permohonan (73%) telah diputuskan. Secara peratusan permohonan selesai dalam piagam sehingga akhir Oktober 2015 mencatat pencapaian lebih baik iatu 85% atau 738 permohonan, meningkat 1.43% berbanding tempoh sama pada tahun 2014 iaitu 83.6%. Namun baki 15% permohonan selesai melebihi piagam berikutan semakan/ulasan agensi teknikal dan notis lot berjiran. Permohonan pembangunan terbanyak adalah di Seberang Perai Tengah dan diikuti masing-masing di Seberang Perai Selatan dan Seberang Perai Utara.

Jenis pembangunan dan permohonan adalah pelbagai, padat, komponen dan berfasa dalam satu-satu permohonan. Di antaranya, pembangunan Bandar Eco City Batu Kawan seluas 245 ekar yang berbentuk mall, property development, commercial centre, premium

outlets, specialist hospital dan universiti. Disini, saya mohon kerjasama dari semua jabatan dan agensi teknikal serta penggiat industri hartanah adalah diharapkan untuk pencapaian pembangunan yang berterusan di Seberang Perai.

Untuk mencapai pembangunan yang seimbang Kerajaan Negeri telah mengeluarkan Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang. Kajian Pelan Induk Pengangkutan dijalankan untuk menangani isu-isu pengangkutan secara holistik bagi memenuhi keperluan masa depan penduduk dan perniagaan serta untuk menyokong matlamat ekonomi dan sosial Seberang Perai. Strategi pengangkutan adalah pembinaan / penambahbaikan lebuh raya dan pengangkutan awam yang akan dilaksanakan dari sekarang sehingga tahun 2050. Pelan Induk Pengangkutan menggariskan dasar-dasar seperti berikut:

- i. Menyediakan jalan yang mesra dan selamat untuk pengguna.
- ii. Mencapai sasaran mod pengangkutan awam 40% berbanding 60% kenderaan persendirian secara berperingkat.
- iii. Memastikan integrasi antara pengangkutan dan rancangan pembangunan.
- iv. Memastikan integrasi sistem pengangkutan di antara Pulau dan Tanah Besar.

Polisi Kerajaan Negeri berhubung sistem pengangkutan adalah menjadikan Pulau Pinang sebagai Hub Pengangkutan Awam Wilayah dengan menyediakan rangkaian dan sistem kemudahan pengangkutan awam yang lebih efisien. Untuk merealisasikan polisi tersebut, Kerajaan Negeri sedang melaksanakan sistem pengangkutan awam wilayah berintegrasi berpusat di Butterworth iaitu Penang Sentral. Penang Sentral merupakan terminal pengangkutan awam bersepadu yang melibatkan 3 kategori pengangkutan awam iaitu darat (tekسي, bas dan keretapi), air (feri dan water taxi) dan udara (sky-cab). Terminal pengangkutan awam bersepadu tersebut dijangka siap pada awal tahun 2017.

Program Eko-Komuniti- LA 21

Dalam memastikan pembangunan dijalankan di Seberang Perai, MPSP juga tidak lupa dengan program mesra alam dan program untuk meningkatkan kesedaran orang ramai tentang pemeliharaan alam sekitar. Pelbagai aktiviti kesedaran dijalankan seperti Anugerah Sekolah Hijau, Anugerah Komuniti Mampan, Anugerah Kitar Semula Tadika, Kempen Makan Sampai Habis, Kempen Larangan Menggunakan Polisterine dan Plastik, pengkomposan dan sebagainya. Hasil daripada aktiviti ini yang dijalankan di peringkat, kadar kitar semula sehingga

September 2015 adalah 39.49% dengan beratan kitar semula sebanyak 212,228.59 tan.

Dengan pelbagai pembangunan mega yang dijalankan di Seberang Perai, MPSP sebagai PBT di Seberang Perai juga akan mempunyai banyak tugas dan tanggungjawab. Oleh itu, saya berharap semasa menjalankan tugas, semua kakitangan tidak kira pengurusan atasan atau pekerja di lapangan haruslah menjalankan tugas masing-masing dengan penuh integriti dan sentiasa berpegang kepada konsep kejujuran. Ini bermakna kita perlu sentiasa jujur dalam mentadbir dasar-dasar, program-program serta projek-projek Kerajaan, sentiasa ikhlas dalam memberikan nasihat dan pendapat, tidak menyembunyikan sebarang maklumat penting dan mustahak yang boleh menjejaskan prestasi Jabatan masing-masing dan juga tidak menyebarkan maklumat sulit. Walaubagaimanapun, kakitangan juga hendaklah sentiasa berwaspada dan cermat dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab masing-masing.

Sebelum mengakhiri ucapan pada pagi ini, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Menyambut Hari Deepavali kepada semua penganut Hindu yang akan menyambut perayaan ini pada 10 November 2015.

Dengan itu, saya sudah dengan Wabillahi Taufik Walhidayah
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.